

24 JUN 2003

Mustapa-Peladang

PERAYAAN HARI PELADANG SECARA BESAR-BESARAN DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 24 Jun (Bernama) -- Kerajaan pusat akan menganjurkan perayaan Hari Peladang secara besar-besaran di Kelantan bagi menghargai sumbangan besar golongan petani, penternak dan nelayan di negeri itu dalam menjana ekonomi negara.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata golongan berkenaan telah 13 tahun tidak menyambut perayaan itu iaitu sejak PAS memerintah negeri ini pada 1990.

"Kali terakhir (Hari Peladang) disambut pada 1990, di negeri lain setiap tahun diadakan sambutan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Negeri Kelantan di sini, hari ini.

Mustapa berkata tarikh perayaan itu belum ditetapkan manakala perasmian dirancang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata antara pengisian perayaan itu ialah konvensyen, anugerah dan penyertaan ramai sektor swasta.

Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan dan Lembaga Pertubuhan Peladang sedang membuat persiapan perayaan berkenaan, katanya.

Mustapa juga berkata kerajaan pusat memperuntukkan RM14 juta bagi membina jalan-jalan kampung di negeri ini dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata projek berkenaan akan dijalankan oleh kontraktor kelas F dan dipantau oleh JPP.

"Projek itu membabitkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada, memperbaiki jalan rosak, menurap tar dan membina jalan baru," katanya.

Sementara itu, Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata komitmen penuh yang diberikan seluruh pemimpin Umno Pusat untuk melihat Kelantan kembali kepada Barisan Nasional (BN) akan merealisasikan usaha Umno Kelantan menewaskan PAS pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita akan memohon daripada mereka strategi walaupun kita telah ada strategi, yang boleh dilaksanakan untuk memastikan kemenangan itu," katanya.

Beliau berkata Kelantan merupakan negeri yang penduduknya 95 peratus Melayu Islam maka amat penting negeri itu diperintah semula oleh kerajaan BN yang menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang disegani negara-negara lain.

Katanya Umno Kelantan akan terus bekerja kuat dengan melaksanakan lebih banyak program parti.

Mustapa mengulas kenyataan Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak Ahad lepas bahawa Umno lebih optimis untuk menang di Kelantan dan Terengganu berbanding pilihan raya umum lepas, berikutan perubahan rakyat sangat ketara untuk menerima BN.

Ditanya buku berjudul 'Bicara Sebuah Perjuangan' yang ditulis oleh Naib Ketua Umno Tumpat, Mohd Noor Yaacob yang dikatakan mengkritik kepimpinan Mustapa dan mempertikaikan usaha yang dilakukan oleh beliau untuk memperkukuhkan Umno negeri itu, Mustapa menyifatkannya sebagai perkara kecil sahaja.

-- BERNAMA

BD ROS